

PM harap dijadikan majlis per damaian

BH 16 JUN 1984

KUALA LUMPUR, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap musabqah membaca al-Quran tahun ini dapat dijadikan satu majlis perdamaian dan penyatuan seluruh umat Islam di dunia.

Ini adalah penting setelah melihat perkembangan dunia umat Islam sendiri yang tidak pernah berhenti berselesih faham, bermusuhan dan berperang sesama sendiri, katanya.

"Oleh itu adalah diharapkan musabqah membaca al-Quran tahun ini tidak dianggap sebagai satu media untuk mendengar alunan suara peserta, tetapi sebagai satu majlis perdamaian," tegasnya.

Perdana Menteri berkata demikian malam tadi di majlis jamuan ringan selepas melawat astaka di Stadium Negara yang akan digunakan mulai Sabtu ini.

Beliau juga berharap orang ramai yang menyaksikan majlis itu, yang akan berlangsung sehingga 20 Jun ini, akan dapat

menghayati tafsiran ayat-ayat suci al-Quran.

"Ini adalah satu cara mengenal dan menghayati ayat-ayat al-Quran dan usaha ini adalah satu ganjaran yang lebih daripada yang kita jangkakan," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga gembira kerana musabqah membaca al-Quran kini sudah menjadi satu acara

tahunan di peringkat antarabangsa, terutama di kalangan negara-negara Islam.

Pengiktirafan

"Kalau dahulu pertandingan ini hanya disertai oleh sebilangan negara-negara Islam, tetapi kini jumlah negara, sama ada negara Islam atau bukan Islam, sungguh menggalakkan," katanya.

"Ini menunjukkan pengiktirafan mereka sebagai satu acara tahunan dunia Islam yang dapat merapatkan hubungan dan silaturahim antara satu sama lain," kata beliau.

Datuk Seri Dr Mahathir berharap lebih banyak negara

Islam akan menyertai musabqah membaca al-Quran di masa hadapan.

Perdana Menteri mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada jawatankuasa pusat musabqah yang berjaya menganjurkan pertandingan ini.

"Ini adalah satu tanggungjawab dan khidmat mereka untuk mengembangkan syiar Islam dan kita seharusnya bersyukur kerana telah dapat menganjurkan pertandingan seperti ini dengan kemas dan licin sejak dahulu," katanya.

Beliau juga merakamkan ucapan terima kasih kepada pereka astaka tahun ini, Cik Siti Norimah binti Jasni Nordin, seorang arkitek Jabatan Kerja Raya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pusat Musabqah Membaca al-Quran, Datuk Seri Haji Kamaruddin Mat Isa, berkata 24 buah negara termasuk Malaysia akan mengambil bahagian tahun ini.

"Lima buah negara iaitu Jordan, Pakistan, Saudi Arabia, Emiriyah Arab Bersatu dan Abu Dhabi akan mengadakan siaran langsung televisyen, sementara Sri Lanka dan Sierra Leone pula akan cuba mendapatkan rakamannya," tambahnya.

Sambutan

Menurut beliau, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga menasihatkan orang ramai, terutama umat Islam yang menyaksikan pertandingan itu, supaya jangan meninggalkan musabqah itu sehingga ia selesai.

Dalam ucapan alu-aluannya sempena lawatan Perdana Menteri, beliau juga gembira kerana pertandingan tahun ini mendapat sambutan yang sungguh menggalakkan dari semua pihak.

"Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Duta Besar Arab Saudi di Malaysia yang sudi menderma \$5,000 untuk menjayakan musabqah ini," tambah beliau.